



16 SEP, 2024

Kastam rampas arak, rokok bernilai RM350k

Harian Metro, Malaysia



Page 1 of 2

Kastam rampas arak, rokok bernilai RM350k

Alor Setar: Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) merampas 7,000 liter minuman keras dan satu juta rokok tidak bercukai bernilai lebih RM350,000 di premis tidak bernombor di Lembah Klang pada 29 Ogos lalu.

Dalam serbuan jam 1.05 pagi oleh pegawai mendapati barangan tidak dikenakan cukai terbabit dianggarkan berjumlah lebih RM1 juta.

Pengarah Kastam Kedah, Nor Izah Abd Latiff berkata, tiada tangkapan dilakukan kerana premis tidak berpenghuni dan tidak berkunci ketika serbuan dilakukan.

“Barangan rampasan bernilai RM353,284 membabitkan anggaran cukai RM1.048 juta dibawa ke Pejabat Penguat Kuasa Bukit Kayu Hitam untuk tindakan lanjut.

“Sindiket itu menggunakan premis tidak bernombor sebagai kemudahan penyimpanan dan berkeungkinan untuk transit sebelum pengedaran tempatan,” katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Sementara itu, dalam serbuan berasingan, JKDM Kedah merampas 5,476 botol minuman keras bernilai RM161,474 di sebuah premis di Bukit Mertajam, Pulau Pinang pada 2 September lalu.

Nor Izah berkata, minuman keras yang disita itu berjumlah 2,120.60 liter membabitkan cukai dianggarkan RM285,676.

“Seorang warga asing berusia 40-an ditahan dalam serbuan jam 10 malam untuk siasatan lanjut. Hasil pemeriksaan mendapati minuman keras itu mempunyai setem cukai mencurigakan disyaki palsu.



16 SEP, 2024

Kastam rampas arak, rokok bernilai RM350k

Harian Metro, Malaysia



Page 2 of 2

SUMMARIES

Alor Setar: Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) merampas 7,000 liter minuman keras dan satu juta rokok tidak bercukai bernilai lebih RM350,000 di premis tidak bernombor di Lembah Klang pada 29 Ogos lalu. Dalam serbuan jam 1.05 pagi oleh pegawai mendapati barangan tidak dikenakan cukai terbabit dianggarkan berjumlah lebih RM1 juta. Pengarah Kastam Kedah, Nor Izah Abd Latiff berkata, tiada tangkapan dilakukan kerana premis tidak berpenghuni dan tidak berkunci ketika serbuan dilakukan.